

13 AUG 2001  
IDB-GABENOR  
PM GOBENOR IDB BAGI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini adalah Gabenor Bank Pembangunan Islam (IDB) bagi Malaysia.

"Sesungguhnya ini adalah satu penghormatan bagi bank ini kerana salah satu daripada peristiwa yang jarang-jarang apabila ketua kerajaan adalah juga Gabenor IDB bagi negara ini," kata Pejabat Serantau IDB di Kuala Lumpur dalam satu kenyataan di sini hari ini.

IDB berkata terdapat banyak rakyat Malaysia memegang jawatan penting di dalam bank itu.

Salah seorang daripada Naib Presidennya, Datuk Dr Syed Jaafar Aznan, seorang rakyat Malaysia, akan mengawasi Perdagangan dan Dasar.

Di samping itu, dua orang Pegawai Pejabat Serantau IDB di Almaty, Kazakhstan, dan Kuala Lumpur, Malaysia diketuai oleh rakyat Malaysia, tambahnya.

Terdapat pegawai-pegawai peringkat pengarah lain dari Malaysia dalam bidang Perbendaharaan, Biasiswa dan perundingan WTO (Pertubuhan Perdagangan Sedunia), katanya. -- BERNAMA

MSL SD OS